




JABATAN BENDAHARI NEGERI SABAH

Wisma Kewangan
Jalan Tunku Abdul Rahman
Beg Berkunci No. 2058
88595 Kota Kinabalu
Sabah, Malaysia



Tel.: 088-272000 Faks: 088-212655 E-mel: bn.jbn@sabah.gov.my

Bil. JBNS: (A)No:100-4/345 Klt.7/(51)

Tarikh : 10 Disember, 2013

Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Setiausaha Tetap Kementerian
Semua Ketua Jabatan
Semua Pegawai Daerah
Semua Penolong Pegawai Daerah, Daerah Kecil
Semua Bendahari Daerah

PEKELILING JABATAN BENDAHARI NEGERI SABAH BILANGAN 8/2013 HAD TERIMAAN WANG TUNAI DAN MASA PENGHANTARAN DI IBU PEJABAT

1. TUJUAN

Surat Pekeliling ini bertujuan untuk menarik perhatian semua Jabatan/Kementerian berkenaan dengan had terimaan wang tunai dan penghantaran ke Ibu Pejabat, Jabatan Bendahari Negeri.

2. LATARBELAKANG


Pihak Jabatan dalam perancangan risiko berpendapat adalah wajar untuk wang tunai yang diterima perlu dihadkan serta masa menerimanya perlu dipendekkan demi untuk menjimat masa proses pengeluaran resit dan menghadkan risiko pembawaan wang tunai daripada orang awam serta penghantaran ke bank oleh kakitangan kerajaan.

3. HAD TERIMAAN WANG TUNAI

Jabatan memutuskan untuk menerima wang tunai sehingga **RM500.00** sahaja di Ibu Pejabat, Jabatan Bendahari Negeri. Bagi jumlah yang melebihi RM500.00 perlulah dikemukakan secara Bankers' Cheque/Bank Draft/Cashier's Order atas nama **Bendahari Negeri Sabah**.

Jabatan/Kementerian boleh juga memasukkan terus ke akaun terimaan Bendahari Negeri Sabah melalui Alliance Bank Berhad dengan **Nombor Akaun 101960010025301**. Walau bagaimanapun, **slip bank/slip wang masuk bank (bank pay in slip)** termasuk catatan kod hasil hendaklah diserahkan ke Kaunter Utama, **Jabatan Bendahari Negeri Sabah** bagi pengeluaran resit rasmi.

..2/-



Oleh yang demikian, adalah disarankan Jabatan/Kementerian memaklumkan kakitangan serta orang awam yang berurusan dengan Jabatan/Kementerian masing-masing untuk mengambil tindakan seperti di para di atas.

4. MASA URUSAN PENGHANTARAN WANG TUNAI SEHINGGA JAM 3 PETANG

Masa urusan penerimaan wang tunai di Ibu Pejabat, Bendahari Negeri adalah sehingga **jam 3.00 petang** bagi membolehkan pihak Jabatan untuk menutup Akaun Wang Tunai dan membuat penghantaran terimaan ke bank pada masa dan hari yang sama. Pihak Jabatan bertindak untuk tidak menerima wang tunai selepas jam 3:00 petang bagi mengelak daripada risiko simpanan dan dari segi keselamatan dan sesuai dengan Arahan Perbendaharaan.

5. PENUTUP

Sekiranya terdapat kemusykilan dalam pelaksanaan pekeliling ini, sila berhubung terus dengan Penolong Bendahari Negeri (Pengurusan Penerimaan dan Pembayaran) melalui nombor telefon 088-252447 atau Akauntan Penerimaan dan Pembayaran melalui telefon 088-252446 untuk mendapatkan maklumat dan penjelasan lanjut.

Sekian harap maklum dan terima kasih.

BERKHIDMAT UNTUK NEGARA DENGAN BERSIH, CEKAP DAN AMANAH
"Profesionalisme, Mesra dan Progresif"


(CHUI NGIET NGO)
Bendahari Negeri

s.k. Setiausaha Tetap
Kementerian Kewangan
Wisma Kewangan
88595 Kota Kinabalu

Pengarah Audit Negeri Sabah
Jabatan Audit Negara, Cawangan Negeri Sabah
Aras 4, Blok A, Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Sabah
Jalan UMS
88450 Kota Kinabalu

Pengarah
Jabatan Kerja Raya
Jalan Sembulan
Peti Surat No. 128
88592 Kota Kinabalu
(u/p : Ketua Akauntan)

Pengarah
Jabatan Pertanian
Wisma Pertanian
Beg Berkunci No. 2050
88632 Kota Kinabalu
(u/p : Ketua Akauntan)

Pengarah
Jabatan Perhutanan
Beg Berkunci No. 68
90009 Sandakan
(u/p: Ketua Akauntan)

Pengarah
Jabatan Tanah dan Ukur
Beg Berkunci No. 2044
88576 Kota Kinabalu
(u/p : Ketua Akauntan)